

Profil Jawatan Kosong

Agensi	: Majlis Islam Sarawak
Nombor Rujukan	: SMIS/06A/2026
Tarikh Iklan Dibuka	: 11 September 2026
Tarikh Tutup Iklan	: 18 September 2026
Jawatan	: Guru Hafazan (Eksekutif C)
Taraf Jawatan	: Kontrak
Kekosongan	: 6
Stesen Bertugas	: Sekolah Menengah Islam Sarawak (SMIS)
Jadual Gaji	: Gaji Pokok Permulaan (Minimum): RM2,960.10

Syarat-syarat Lantikan

Calon-calun bagi lantikan hendaklah **anak kelahiran Sarawak** atau **warganegara Malaysia yang berdomisil di Sarawak** atau yang **bermastautin di Sarawak** yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan, berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Al-Quran dan Qiraat yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
(ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam/Pendidikan Islam/Pengajian Bahasa Arab yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **SERTA** memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran/Sijil Hafaz 30 Juzuk Al-Quran dari Institusi Tahfiz yang diiktiraf oleh Majlis Islam Sarawak;
- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan adalah satu kelebihan.
- (d) Mempunyai pengalaman mengajar Al-Quran sekurang-kurangnya enam (6) bulan adalah satu kelebihan.
- (e) Mempunyai sahsiah yang baik, sihat tubuh badan dan memiliki kesejahteraan fizikal.

Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan.

Cara Memohon:

Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan Borang Permohonan Jawatan Kosong (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS) beserta Resume (mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja), sesalinan sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) sebelum atau pada **18 September 2026 (Jumaat)** kepada:

SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
D/A BIRO PERKHIDMATAN PENDIDIKAN MAJLIS ISLAM SARAWAK,
TINGKAT 1 SUBLOT 3 & 4, BANGUNAN BAITULMAL JALAN HJ TAHA
93400 KUCHING, SARAWAK

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calun yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.